



**POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
KM 22, Jalan Matang  
93050 Kuching  
Sarawak  
Malaysia.

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUCHING SARAWAK  
Tel: +6 082 - 845596 / 7 / 8  
Faks: +6 082 - 845023  
[www.poliku.edu.my](http://www.poliku.edu.my)

Ruj. Kami: PKS.700-6/1/2(4)  
Tarikh : 18 Januari 2022

## KEPADA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

### MAKLUMAN PINDAAN TARIKH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS) BAGI SESI II 2021/2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Terlebih dahulu pihak PKS ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 serta ribuan terima kasih di atas kesudian YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan menerima pelajar PKS untuk menjalani latihan industri di organisasi YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan.
3. Susulan perubahan takwim akademik selaras Politeknik Malaysia akibat banjir baru-baru ini, dengan ini dimaklumkan bahawa Takwim Pelaksanaan Latihan Industri bagi Sesi II 2021/2022 telah dipinda seperti berikut:

**Tarikh Asal Latihan Industri : 21 Februari 2022 – 08 Julai 2022**

**Tarikh Baharu Latihan Industri : 07 Mac 2022 – 22 Julai 2022 (Pindaan)**

4. Pihak PKS ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang berlaku serta berharap perkara ini tidak akan menutup ruang dan peluang pelajar-pelajar PKS untuk menjalani latihan industri di organisasi YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi **Encik Nik Syahrul Faizal bin Nik Mat** selaku Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri PKS di talian **082-845596 sambungan 583** atau **012-9096235**.
5. Kerjasama dan pertimbangan daripada pihak YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HIKMATULLAH BIN HAJID AHMAD KHAN)**  
Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak

